

Bahagian B

[70 markah]

Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

1.

Kuih tradisional seperti lepat pisang, kuih bakul dan muruku menjadi satu keunikan dan identiti kaum yang terdapat di Malaysia. Namun begitu, hidangan istimewa ini semakin dilupakan oleh generasi kini. Tidak menepati selera, tiada pendedahan awal dan sikap lebih mengagungkan makanan luar negara dianggap penyumbang ke arah situasi ini. Kita perlu mencontohi rakyat negara Jepun yang berbangga menyajikan makanan warisan mereka biarpun telah menjadi negara maju.

Sumber: *Dewan Budaya*, Bil 5/2021

Berdasarkan petikan di atas, terdapat beberapa faktor yang telah menyebabkan kuih tradisional di Malaysia kurang mendapat sambutan daripada generasi kini.

Bincangkan faktor-faktor tersebut.

2.

Sektor pertanian telah menyumbang kepada asas pembentukan ekonomi Malaysia dalam era selepas kemerdekaan. Namun begitu, sektor pertanian kian terpinggir dalam kepesatan pembangunan dan kemajuan negara walaupun peranannya masih sangat relevan. Golongan muda pula lebih selesa menganggur berbanding dengan menceburi bidang pertanian.

Sumber: animhosnan.blogspot.com

Huraikan peranan pelbagai pihak untuk menjadikan bidang tersebut diminati oleh golongan muda.